

- 13.3.3 Bagi pelepasan Jaminan Bank/Insurans atau Syarikat Kewangan pula, sekiranya permohonan Kontraktor diluluskan, P.P hendaklah menyediakan surat kepada Penjamin iaitu Bank/ Syarikat Insurans/ Syarikat Kewangan mengikut format di Lampiran 13C. Kontraktor berkenaan hendaklah berurusan dengan Bank/ Insurans atau Syarikat Kewangan untuk menggantikan Jaminan asal dengan Jaminan baru yang bersamaan dengan 50% daripada jaminan asal. Setelah Jaminan yang baru diterima, barulah jabatan memulangkan jaminan yang asal kepada Kontraktor.
- 13.3.4 Kontraktor juga dibenarkan untuk menggantikan baki WJP sebanyak 50% dengan Jaminan Bank/Insurans ataupun Syarikat Kewangan.

13.4 Siap Berbahagian-bahagian

- 13.4.1 Syarat-syarat Kontrak mengandungi satu peruntukan yang membenarkan Kerajaan menghendaki Kerja disiapkan dalam seksyen atau bahagian. Sekiranya ini diperlukan, seksyen atau bahagian Kerja tersebut hendaklah dikenalpasti dan nilai Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan bagi setiap seksyen dan bahagian, dan sebagainya hendaklah dinyatakan dokumen kontrak di Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.
- 13.4.2 Jika siap berbahagian-bahagian bagi Kerja dinyatakan di dalam Kontrak, maka peruntukan Kontrak mengenai Perakuan Siap Kerja, Kelambatan dan Lanjutan Masa, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dan Tempoh Tanggungan Kecacatan (kecuali Insurans Kerja, Bon Perlaksanaan dan bayaran muktamad atas Akaun Muktamad) hendaklah dipakai seolah-olah tiap-tiap satu seksyen atau bahagian itu adalah menjadi perkara kontrak yang berasingan dan berlainan di antara Kerajaan dan Kontraktor. Prosedur mengenai penyiapan praktikal seperti yang diuraikan dalam perenggan 13.2 boleh digunakan bagi tiap-tiap seksyen atau bahagian Kerja. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi tiap-tiap seksyen atau bahagian bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut.